

Selepas berjaya ungguli Kejohanan EMNE 2013 Peringkat Kebangsaan di PWTC

Pasukan Enactus UMS wakili negara

UM 24.7.2013 26

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA
utusansabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 23 Julai - Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi mengekalkan kecemerlangan apabila mempertahankan kejuaraan dengan mengungguli Kejohanan Enactus Kebangsaan Malaysia (EMNE 2013) peringkat kebangsaan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pasukan Enactus Universiti Eko Kampus itu telah mengetepikan pasukan Enactus Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di peringkat akhir sekali gus berjaya mempertahankan kejuaraan mereka selama dua tahun berturut-turut.

Kejayaan itu juga memberi laluan kepada UMS sekali lagi mewakili Malaysia ke pertandingan Piala Dunia Enactus yang bakal berlangsung di Cancun, Mexico pada 29 September hingga 1 Oktober ini.

Seorang peserta pasukan itu, **Celine Alexandra** berkata, projek komuniti yang dibentangkan oleh Enactus UMS nyata menarik perhatian dan

6 Kami ingin berterima kasih kepada Enactus Malaysia kerana melalui penganjuran Pertandingan EMNE, kami mampu berkongsi pengalaman dan juga perjalanan kami membantu OKU di Sabah.

AARSTON FRIEND DICKSON

Pengarah projek

berjaya memikat hati para juri terutama melalui Projek Payao.

Katanya, projek tersebut telah menarik ramai pihak kerana membabitkan usaha membantu komuniti di Pulau Mabul, Semporna dalam meningkatkan hasil tangkapan ikan bagi menambah penjanaan pendapatan.

Dalam kejohanan itu, UMS turut membentangkan Projek *Unfold* yang bertujuan membantu golongan kurang upaya (OKU) dan golongan miskin serta tidak berkelebihmampuan.

Pengarah projek itu, **Aarston Friend Dickson** berkata, pembentangan projek berkenaan diterima baik oleh para juri dan juga ahli Enactus Malaysia.

"Kami ingin berterima kasih kepada Enactus Malaysia kerana melalui penganjuran Pertandingan EMNE, kami mampu berkongsi pengalaman dan juga perjalanan kami membantu OKU di Sabah," ujarnya.

Pertandingan tersebut yang sebelum ini dikenali sebagai Pertandingan Students in Free Enterprise (SIFE) telah disertai sebanyak 28 pasukan yang mewakili institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Acara tahunan anjuran Yayasan Enactus Malaysia itu antara lain bertujuan mengetengahkan kreativiti dan inovasi projek-projek bersifat komuniti oleh pelajar universiti di negara ini.



PASUKAN Enactus Universiti Eko Kampus Universiti Malaysia Sabah bergambar setelah berjaya mengungguli Kejohanan Enactus Kebangsaan Malaysia (EMNE 2013) Peringkat Kebangsaan di PWTC, Kuala Lumpur, baru-baru ini.